

07 MAR 2003

Syed Hamid-Thailand/I

MENTERI LUAR THAILAND TIBA UNTUK MESYUARAT

PUTRAJAYA, 7 Mac (Bernama) -- Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Thailand ke-sembilan akan disambung esok dengan ketibaan Menteri Luar Thailand Dr Surakiart Sathirathai hari ini bagi menyertai mesyuarat peringkat menteri.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini berkata mesyuarat itu akan memberi tumpuan kepada isu-isu seperti hubungan dua hala dan kerjasama dalam pelbagai bidang terutama aspek ekonomi.

Beliau berkata Thailand sering menekankan minatnya terhadap isu berkaitan pembukaan sempadan dan kemasukan bebas barangan antara kedua-dua negara.

"Kami akan membincangkan perkara kepentingan bersama, bagaimanapun kerjasama dapat dilaksanakan," katanya pada sidang akhbar selepas pertemuan singkat dengan Dr Surakiart di Wisma Putra di sini.

Syed Hamid berkata mesyuarat itu akan turut membincangkan persediaan Malaysia terhadap Bengkel Infrastruktur dan Teknologi Maklumat yang akan diadakan Jun ini di bawah program Dialog Kerjasama Asean.

Syed Hamid berkata rakan sejawatnya turut mengucapkan tahniah di atas kejayaan Malaysia menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13.

Pada perkembangan lain, beliau berkata sidang kemuncak tergempar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Doha, Qatar, awal minggu ini telah berjaya mencapai matlamatnya.

"Berjaya, kerana ia diterima tanpa banyak perbincangan. Tapi soalnya yang melaksanakan (keputusan) bukan bergantung kepada negara-negara luar dari wilayah Asia Barat, tapi banyak bergantung kepada negara-negara dalam wilayah itu sendiri," katanya.

Menurutnya, mesyuarat tergempar itu hanya membincangkan dua perkara khusus iaitu berhubung kemungkinan perang di Iraq dan suasana keadaan yang semakin buruk di Palestin.

Beliau berkata lain-lain isu memang tidak sewajarnya dibincangkan pada mesyuarat itu kerana ia seharusnya dibincangkan pada Sidang Kemuncak OIC di Kuala Lumpur pada Oktober nanti.

Mesyuarat itu antara lain bersetuju bahawa perang seharusnya dielakkan dan negara-negara anggota tidak seharusnya menawarkan kemudahan bantuan untuk mana-mana pihak menyerang Iraq.

Malaysia diwakili oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat itu.

-- BERNAMA

AZH AHH MOZ